

20 NOV 1998

Mahathir-Perabot

PERDANA MENTERI MAHU PENGELUAR PERABOT BERALIH KAEDAH PENGELUARAN

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pengeluar perabot di negara ini beralih kepada kaedah pengeluaran mengikut pengilangan reka bentuk asal secara agresif.

Perdana Menteri berkata mereka tidak harus lagi menggunakan kaedah pengeluaran mengikut kaedah pembuat peralatan asal sahaja.

Katanya tindakan itu bukan sahaja akan menjamin kewujudan industri perabot Malaysia yang tulen, tetapi juga pembangunannya akan memberi faedah kegiatan sampingan yang lebih meluas kepada penduduk di negara ini.

"Sudah tiba masanya bagi industri perabot mengamal dan menggunakan strategi berasaskan nilai dan beralih daripada strategi berasaskan jumlah melalui rekabentuk asal dan jenama sendiri," katanya semasa merasmikan Pusat Rekabentuk Perabot Malaysia (MFDC) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata dalam perkara itu pengilang tempatan perlu memberi tumpuan kepada pengeluaran produk yang berkualiti tinggi dan konsisten serta mempunyai fungsi dan rekabentuk yang menarik.

Beliau berkata kaedah pembuat peralatan asal menyebabkan penekanan harga yang berterusan kerana pengilang kos rendah dari negara-negara di rantau ini telah muncul dengan barangan yang berharga rendah serta kompetitif.

Sebagai pengilang yang beroperasi mengikut kaedah itu, mereka akan berpandukan kepada rekabentuk yang disediakan oleh pembeli dari negara asing dan harganya ditetapkan oleh mereka, kata beliau.

Katanya, dalam kegawatan difahamkan bahawa pembeli asing telah meminta supaya diskaun diberikan berasaskan kejatuhan nilai ringgit.

Bagi menentukan pasaran, para pengilang dan pengeksport tempatan terpaksa memenuhi permintaan mereka dan mungkin keuntungan jangka pendek dapat dikekalkan, katanya.

Dr Mahathir berkata sekiranya nilai ringgit kembali kukuh, tidak pasti harga yang lama akan diberikan kepada pengeksport perabot tempatan.

Dengan demikian margin keuntungan akan berkurangan sementara kos pengeluaran akan meningkat, akhirnya industri perabot di negara ini akan menghadapi pelbagai masalah.

Dr Mahathir mengingatkan bahawa pengilang perabot harus menumpukan perhatian kepada pembeli dari negara asing yang bersedia untuk membeli produk berkualiti dan bernilai tambah, bukan hanya menuntut harga yang terendah.

Beliau berkata pada tahun lepas dianggarkan terdapat 3,009 kilang perabot dan kilang kerja kayu di negara ini tetapi hanya 500 hingga 600 kilang sahaja yang terlibat dalam aktiviti eksport.

Oleh yang demikian industri kecil dan sederhana digalakkan mengambil bahagian dalam perniagaan eksport perabot yang bernilai kira-kira AS\$55 bilion setiap tahun di seluruh dunia.

Dr Mahathir berkata industri kecil dan sederhana boleh bermula dengan menjadi pembekal komponen tertentu kepada pengeksport lain.

Pendapatan negara hasil eksport perabot meningkat daripada RM269.5 juta pada 1990 kepada melebihi RM2.6 bilion pada tahun lepas iaitu peningkatan sebanyak 10 kali ganda.

Katanya dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini industri ini terus maju dan mencatatkan perolehan eskport sebanyak RM1.97 bilion.

Dr Mahathir berkata daripada segi perniagaan dan perdagangan perabot, matlamat utama ialah untuk menarik minat pembeli jangka panjang dan

menggalakkan mereka membeli produk tempatan berdasarkan kualiti barangan dan "nilai untuk wang", bukan semata-mata sebagai pembeli runcit yang inginkan harga rendah.

Pembuat perabot harus mempelbagaikan barangan daripada produk berharga rendah dan sederhana hingga ke produk premium yang berharga tinggi, dan setelah itu barulah mereka berpeluang untuk bersaing tanpa tekanan harga yang ditetapkan secara terang-terangan oleh kuasa pasaran, katanya.

Katanya dalam tempoh lima tahun yang lepas industri perabot tempatan telah diiktiraf sebagai pengeluar dan pengeksport perabot yang berkualiti dan bertaraf dunia tetapi persaingan meningkat berikutan proses globalisasi dan liberalisasi dagangan di peringkat Asean dan antarabangsa seharusnya tidak menjadikan pengeluar tempatan terlalu berpuas hati dengan pencapaian sekarang.

Sebaliknya, katanya, mereka perlu menguatkan azam dan berusaha ke arah kecemerlangan dengan mengeluarkan produk-produk kayu atau perabot bernilai tambah yang lebih berkualiti tinggi dan mampu menjadi standard antarabangsa.

Beliau yakin ini akan dapat dicapai melalui perkembangan rekabentuk asli yang tinggi mutunya serta mengamalkan proses dan teknologi perkilangan yang lebih efisien daripada segi kos.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perusahaan Utama di atas inisiatifnya kerana menubuhkan MFDC bagi membantu industri perabot ke arah kecemerlangan serta menjadikannya sebuah industri bertaraf dunia.

Katanya dengan adanya pusat ini, pengeluar perabot mempunyai tempat untuk mempamerkan perabot buatan Malaysia yang terkini sepanjang tahun.

Dr Mahathir berharap dalam masa dua hingga tiga tahun akan datang pusat itu akan mempunyai pelbagai barangan untuk memenuhi keperluan setiap sektor dagangan perabot.

Perdana Menteri juga menimbulkan persoalan mengenai perlindungan harta intelek yang katanya mungkin menjadi batu penghalang. Pengilang pintar yang mempunyai rekabentuk ciptaan sendiri mungkin enggan mempamerkan barangan di pusat ini kerana khuatir pihak lain akan meniru rekabentuk mereka.

"Ini adalah satu masalah universal di mana tidak terdapat penyelesaian yang mudah dan jelas," katanya.

Katanya beliau dimaklumkan bahawa MFDC akan mengemukakan cadangan untuk pertimbangan kerajaan supaya pendaftaran bagi perlindungan hak harta intelek bagi rekabentuk perabot dapat diwujudkan di negara ini.

Beliau berharap dengan adanya proses pendaftaran yang cekap ia akan meyakinkan pengimport dan peniaga perabot asing untuk menempah kontrak dengan para pengilang negara ini tanpa takut rekabentuk mereka ditiru.

-- BERNAMA

ARA NMO